

'Orang Melayu perlu bersikap terbuka'

KOTA BHARU, Jumaat — Menteri Pertanian, Datuk Haji Abdul Manan Othman, hari ini menggesa masyarakat Melayu bersikap terbuka dalam menghadapi kenyataan bahawa mereka masih mundur dalam bidang ekonomi.

Dengan ini, jelasnya, mereka akan dapat bertindak seberapa daya mengikut kedudukan kelayakan, kepakaran dan kemampuan masing-masing bagi membetulkan keadaan yang tidak menyenangkan itu.

Beliau mengingatkan, keamanan, kestabilan dan keutuhan negara tidak akan kukuh dan tidak mempunyai asas yang kuat selagi terdapat jurang yang luas dan meruncing dalam bidang ekonomi antara kaum dan lapisan masyarakat.

Berucap di majlis perasmian Mesyuarat Agung Koperasi Serbaguna Pembatik Kelantan Berhad, di sini hari ini, Datuk Haji Abdul Manan menegaskan, masalah ketidakseimbangan ekonomi telah diambil kira dalam pengubalan dasar kebangsaan.

"Ini telah mengilham dan melahirkan Dasar Ekonomi Baru dan bercorak aspek-aspek pokok dan utama dalam perangkaan," tambahnya.

Hadir sama dalam majlis tersebut ialah Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Tongku Ahmad Rithauddeen selaku Yang Dipertua Koperasi itu.

"Selagi terdapat dalam keluarga Malaysia kita ini, ahli-ahli keluarga yang serba kekurangan dibandingkan dengan ahli-ahli keluarga yang lain, sudah pasti ketidakpuasan dan pergeseran akan berlaku dan kehidupan nasional akan bergelora

dan berkocak dengan hebat.

"Adalah wajar masalah ini ditinjau dari kaca mata kebangsaan kerana akibat buruk atau pengaruh tidak sihat ekonomi tidak seimbang ini bukan hanya merupakan persoalan peribadi orang Melayu tetapi juga menggugat keamanan, kestabilan dan keutuhan seluruh," tambahnya.

Oleh itu, jelas Datuk Haji Abdul Manan, adalah perlu bagi semua kaum dan lapisan masyarakat mendukung cita-cita dan matlamat DEB untuk membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum, menyusun semula masyarakat supaya kesejahteraan dan kemunduran ekonomi tidak lagi mengikut garis-garis kaum.

Namun begitu beliau mengingatkan, walaupun kini masalah orang Melayu dalam ekonomi telah diberi tumpuan agak utama dalam perancangan negara, tetapi orang Melayu sendiri mestilah menyusun langkah atau tindakan mereka sendiri.

Tambahnya, walaupun kerajaan, melalui perancangannya, berusaha menutup jurang ekonomi yang tidak seimbang untuk kebajikan negara, tetapi semua ini tidak bermakna tanpa usaha gigih orang Melayu sendiri.

Katanya, orang-orang Melayu mestilah berusaha memperbaiki kedudukan ekonomi mereka yang rata-ratanya terikat kepada bidang pertanian cukup makan dan agak lebih berjaya pula apabila memusatkan kepada bidang makan gaji dengan kerajaan.

Walaupun ada orang-orang Melayu berniaga tetapi mereka merupakan segelintir sahaja dan tidak dapat dianggap sebagai satu kuasa pendesak dalam sektor pembuatan, perusahaan dan perdagangan, tambahnya.

Kata beliau, kekurangan orang Melayu dalam bidang iktis atau profesional bukanlah kerana kebodohan semula jadi mereka seperti yang dituduh oleh setengah-setengah pihak yang kurang jujur.

Tetapi keadaan ini, jelasnya, adalah disebabkan pengaruh dari latarbelakang sejarah dan sosio-ekonomi seperti kemiskinan dan berbagai halangan terhadap kejayaan orang-orang Melayu untuk memasuki bidang-bidang tertentu.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia